

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 29 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperuntukkan dana kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Bintulu bagi menjalankan kerja pendalaman Sungai Kemena memandangkan sungai tersebut semakin cetek akibat mendapan yang semakin serius; dan

- (b) apakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada negeri Sarawak terutamanya Bintulu bagi pembersihan sungai-sungai dari semasa ke semasa memandangkan Sarawak mempunyai banyak sungai yang masih diguna pakai rakyat tempatan dalam kehidupan harian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Buat masa ini, tiada peruntukan khusus bagi kerja-kerja mendalamkan Sungai Kemena. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengkaji keperluan penyaluran peruntukan bagi sungai berkenaan dalam RMKe-12.
2. Bagi kawasan Bintulu, kerja-kerja pengorekan sungai bagi mengurangkan risiko banjir termasuk kerja-kerja pembersihan sungai telah dilaksanakan pada tahun 2018 hingga 2020 melibatkan peruntukan sebanyak RM675 ribu.

Sekian, terima kasih.